A **ADVANCE SECURITY NETWORK SDN BHD & SATU LAGI**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN ABDUL AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-6-2008]
4 APRIL 2008

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pertuduhan - Syarikat dan pengarah syarikat - Gagal menyerahkan cukai perkhidmatan dalam tempoh ditetapkan - Dituduh secara berasingan atas kesalahan yang sama - Sama ada teratur - Sama ada memprejudis dan bersifat opresif - Akta Cukai Perkhidmatan 1975, ss. 12, 29(a), 35(1)*

D Ini adalah permohonan untuk menyemak keputusan hakim Mahkamah Sesyen kerana menolak bantahan awal pemohon-pemohon terhadap pindaan yang dibuat ke atas pertuduhan-pertuduhan bertarikh 4 Ogos 2006. Fakta menunjukkan bahawa pemohon pertama ('OKS1') telah didakwa dengan tiga pertuduhan di bawah s. 29(a) Akta Cukai
E Perkhidmatan 1975 ('ACP') kerana gagal mematuhi s. 12 ACP, iaitu gagal menyerahkan cukai perkhidmatan kepada pegawai yang berpatutan dalam tempoh 28 hari selepas tamatnya tempoh kena bayar cukai tersebut. Pada 4 Ogos 2006, ketiga-ketiga pertuduhan telah dipinda yang secara berkesannya menyebabkan pengarah OKS1, pemohon kedua di
F sini ('OKS2'), dituduh secara berasingan di bawah s. 29(a) dibaca bersama s. 35 ACP. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, OKS1 dan OKS2 menyatakan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap mereka adalah bersifat opresif dan memprejudiskan mereka. Dihujahkan selanjutnya bahawa berasaskan kepada peruntukan s. 35(1) ACP,
G seseorang pengarah syarikat hanya boleh didapati bersalah jika dia sendiri dituduh secara individu tanpa syarikat dituduh, ataupun dituduh secara bersesama dengan syarikat, dan tidak sebaliknya.

Diputuskan (menolak permohonan):

H **(1)** Berdasarkan peruntukan s. 35(1) ACP dan keputusan kes *Justin Milroy Narakera v. PP*, dan mengambilkira juga artikel bertajuk "Criminal Liability of Corporations in Malaysia", mahkamah bersetuju bahawa pertuduhan terhadap OKS1 dan OKS2 boleh dibuat secara berasingan atas kesalahan yang sama. Kesalahan OKS1 adalah di bawah s. 29(a) ACP manakala kesalahan OKS2 di
I bawah seksyen yang sama adalah selaku pengarah syarikat. (perenggan 11 - 14)

(2) Pertuduhan-pertuduhan terhadap OKS1 dan OKS2 adalah berasas dan tidak bersifat agresif atau memprejudiskan mana-mana pihak. Walau apapun, beban masih terletak di bahu pendakwaan untuk membuktikan elemen-elemen penting pertuduhan. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:
Justin Milroy Narakera v. PP [1990] 2 CLJ 226; [1990] 2 CLJ (Rep) 181 HC ***(diikuti)***
Karpal Singh & Anor v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***
Yue Sang Cheong Sdn Bhd v. PP [1973] 1 LNS 182 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 158(1), 376(1)
Federal Constitution, art. 145(3)
Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 59
Service Tax Act 1975, ss. 12(1), 29(a), 35(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Yashwant Rai Vyas, *Criminal Liability of Corporations in Malaysia* [1982] CLJ 225

Bagi pihak pembelaan - R Ravendren; T/n JR Ravenden & Assoc
Bagi pihak PP - Kwan Li Sa, TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Abdul Aziz PK:

Latar Belakang

[1] Pemohon-pemohon telah memfailkan satu notis usul pada 11 Januari 2008 bagi menyemak keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang telah menolak bantahan awal pemohon-pemohon dalann kes 63-8-2004 di mana pemohon-pemohon telah tidak berpuas hati akan pindaan yang dibuat kepada pertuduhan-pertuduhan bertarikh 4 Ogos 2006. Oleh kerana ianya satu bantahan, maka alasan penghakiman daripada hakim bicara tidak diperlukan.

Asas Permohonan

[2] Pada 14 September 2004, OKS1 telah dituduh di bawah s. 29(a) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (ACP) dibaca bersama-sama dengan s. 35 ACP bagi kesalahan gagal mematuhi peruntukan s. 12 ACP iaitu gagal menyerahkan kepada pegawai yang berpatutan dalam tempoh

28 hari selepas tamatnya tempoh kena bayar cukai bagi tempoh 1 April 2001-31 Mei 2001, 1 Jun 2001-31 Julai 2001 dan 1 Ogos 2001-30 September 2001, kesemuanya tiga pertuduhan.

[3] Setelah itu, ketiga-tiga pertuduhan asal tersebut telah dipinda dengan memperbetulkan tarikh kesalahan iaitu 29 Jun 2001 bagi tempoh bercukai 1 April 2001-31 Mei 2001, 29 Ogos bagi tempoh bercukai 1 Jun 2001-31 Julai 2001 dan 30 Oktober 2001 bagi tempoh bercukai 1 Ogos 2001-30 September 2001.

[4] Pada 4 Ogos 2006, ketiga-tiga pertuduhan tersebut telah dipinda dengan membuat suatu pengasingan yang mana tiga pertuduhan pindaan terhadap syarikat (OKS1) di bawah s. 29(a) ACP dan tiga pertuduhan pindaan ke atas Pengarah Syarikat (OKS2) di bawah s. 29(a) dibaca besama-sama dengan s. 35 ACP (JR 5) iaitu kes 63-8-2004.

[5] Permohon-permohon menyatakan bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dibuat itu adalah tidak berasas, bersifat opresif dan memprejudiskan pemohon-pemohon kerana OKS1 dan OKS2 telah dituduh bagi kesalahan yang sama secara berasingan kerana OKS2 selaku pengarah OKS1 adalah juga mewakili OKS1 di dalam ke semua pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKS1.

[6] Pemohon-pemohon juga berhujah berkaitan dengan s. 35(1) Akta Cukai Perkhidmatan 1975, apabila sesuatu kesalahan dilakukan oleh syarikat, maka selaku pengurus syarikat OKS2 juga dikatakan telah melakukan kesalahan yang sama. Ini bermakna pengarah syarikat hanya akan didapati bersalah jika pengarah itu sendiri dituduh secara individu tanpa syarikat dituduh sama atau dituduh secara bersama dengan syarikat tersebut.

[7] Pemohon juga menyatakan pemohon kedua (OKS2) selaku pengurus bukanlah 'a taxable person' di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan oleh itu, OKS2 tidak boleh dituduh secara individu di bawah s. 29(a) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kerana gagal mematuhi s. 12(1) Akta yang sama.

Jawapan Responden

[8] Responden dalam hujahan balas menyatakan bahawa pihak pendakwaan punya kuasa untuk meminda pertuduhan atau menambah pertuduhan terhadap pemohon-pemohon. Mereka merujuk kepada peruntukan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, s. 158(1) dan s. 376(1) Kanun Acara Jenayah yang memberikan kuasa kepada Peguam Negara berbuat demikian.

[9] Merujuk kepada kes *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183, mahkamah menyatakan antara lain:

> Article 145(3) of the Federal Constitution States that the Attorney General shall have powers exercisable at his discretion to institute, conduct or discontinue any proceedings for on offence, other then the proceedings in the Syariah Court.

Jelas, Peguam Negara boleh meminda atau menambah mana-mana pertuduhan terhadap pemohon-pemohon dan pindaan serta penambahan pertuduhan itu adalah sah di segi undang-undang.

[10] Responden juga berhujah bahawa pindaan atau penambahan pertuduhan yang dibuat tidak akan memprejudiskan atau bersifat opresif terhadap OKS2 yang mana telah dituduh di bawah kesalahan yang sama seperti OKS1 (syarikat). Ini merujuk kepada s. 59 Akta Intepretasi 1948/1967 yang menyatakan "where any act a omission constitutes an offence under two or more written laws, or under a written law and at common law, the offender shall be liable to be prosecuted and punished under either or any of those laws or at common law, but shall not be liable to be punished twice for the same offence."

[11] Merujuk kepada s. 35 Akta Cukai Perkhidmatan yang menyatakan:

> (1) Where an offence under this Act or the regulations has been committed by a company, a firm, a society an association or other body of persons, any person who at the time of the commission of the offence was a director ... shall be deemed to be guilty for the offence unless be proves that the offence was committed without his consent or connivance and that he exercised all such diligence to prevent the commission of the offences as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances.

Merujuk kepada s. 35(1) Akta Cukai Perkhidmatan, ia merujuk kepada "the director shall be deemed to be guilty of that offence" dan kesalahan tersebut merujuk kepada kesalahan yang dilakukan oleh OKS1.

[12] Responden juga berhujah OKS1 dan OKS2 boleh dituduh secara berasingan dengan OKS1 di atas kesalahan yang sama. Ia telah merujuk kepada akibat *'Criminal Liability of Corporations in Malaysia* oleh Yashwant Rai Vyas [1982] CLJ 225 dan saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan itu sepenuhnya.

[13] Responden juga merujuk kepada kes *Justin Milroy Narakera v. PP* [1990] 2 CLJ 226; [1990] 2 CLJ (Rep) 181 di mana mahkamah menyatakan antara lain:

> The named accused in this case was the company and the company alone. The company stood convicted on a plea of guilty which ...

[14] Menerima pakai keputusan kes tersebut, saya bersetuju dengan hujahan responden ke atas pertuduhan terhadap OKS1 dan OKS2 boleh dibawa bersama. Kesalahan OKS1 adalah di bawah s. 29(a) ACP manakala terhadap OKS2 selaku pengarah syarikat.

[15] Di dalam kes *Yue Sang Cheong Sdn. Bhd. v. PP* [1973] 1 LNS 182 Ong CJ menyatakan antara lain:

> (1) Whether a limited company charged under section 135(1)(d) of the Customs Act 1967 can be guilty of such criminal offence without proof of *mens rea* of its agents or officers.
>
> (2) If the answer to (1) is in the negative, whether it is relevant to consider the relative importance of the agents or officers of the limited company whose knowledge is to be imputed to the company.
>
> There is no necessity to deal with these question separately. The word 'knowingly' in section 135(1)(d) clearly imports *mens rea* for proof of guilt. In section 3 of the Interpretation Act 1967 'person' includes a body of persons corporate or unincorporated. The answer to the first question, therefore, must be in the negative.
>
> As to the second question I think the House of Lords decision in *Tesco Ltd v. Nattrass* provides a ready answer. It is neatly summed up in the following passage of the speech by Lord Diplock at p. 199:
>
> > In my view, therefore, the question: what natural persons are to be treated in law as being the company for the purpose of acts done in the course of its business, including the taking of precautions and the exercise of due diligence to avoid the commission of a criminal offence, is to be found by identifying those natural persons who by the memorandum and articles of association or as a result of action taken by the directors, or by the company in general meeting pursuant to the articles, are entrusted with the exercise of the powers of the company.

[16] Setelah menimbangkan keseluruhan fakta yang dibentangkan di hadapan mahkamah, saya dapati dan putuskan pertuduhan-pertuduhan ke atas OKS1 dan OKS2 adalah berasas dan tidak bersifat opresif atau memprejudiskan mana-mana pihak. Dalam apa keadaan jua pun, beban terletak di bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen-elemen penting pertuduhan diasaskan dan pihak pemohon punya peluang untuk membela diri akan pertuduhan-pertuduhan tersebut.

[17] Dengan itu, keputusan penolakan bantahan awal dikekalkan dan kes diteruskan untuk perbicaraan di Mahkamah Sesyen sepertimana dikemukakan.